



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

APAD AMBIL TINDAKAN TEGAS: BATAL LESEN PENGENDALI SYARIKAT YANG MENYEBABKAN KEMALANGAN MAUT DI PLAZA TOL BUKIT KAJANG

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memandang serius insiden kemalangan melibatkan sebuah lori muatan barangan lusuh membabitkan empat kenderaan lain di Plaza Tol Bukit Kajang, Lebuhraya Kajang Silk (SILK) pada 27 September 2025 yang mengorbankan seorang bayi dan mencederakan tujuh yang lain.
2. Hasil siasatan APAD mendapati bahawa **LDT Metal Trading** telah **gagal dalam memastikan pemasangan Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) pada kenderaan perdagangan yang dilesenkan** dan **tidak mengutamakan keselamatan pengguna jalan raya yang lain**.
3. Sehubungan itu, selaras dengan kuasa yang diperuntukan di bawah Seksyen 62 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715], maka APAD dengan ini **membatalkan Lesen Pengendali LDT Metal Trading 201403193195 (LA) ("Lesen Pengendali Berkenaan") berkuat kuasa 02 OKTOBER 2025**.
4. Dengan terbatalnya Lesen Pengendali Berkenaan, syarikat tersebut **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengendalikan atau mengadakan sebarang perkhidmatan menggunakan mana-mana kenderaan yang telah dilesenkan di bawah Lesen Pengendali Berkenaan.
5. APAD bertegas tidak akan berkompromi terhadap mana-mana kesalahan pemanduan kenderaan pengangkutan awam darat secara berbahaya yang boleh mengakibatkan kemalangan dan mengancam keselamatan pengguna jalan raya.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

6. APAD juga ingin mengingatkan semua pengendali berlesen **untuk sentiasa mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan** bagi mengelakkan kejadian yang boleh mengakibatkan lesen pengendali (OL) terbatal. APAD sentiasa komited untuk mewujudkan ekosistem pengangkutan awam darat yang **holistik, cekap, efisien, selamat dan berdaya saing** selaras dengan **Nilai Teras Malaysia MADANI** iaitu **KESEJAHTERAAN** dan **IHSAN**.

AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT
2 OKTOBER 2025

##TAMAT##

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mel ukk@apad.gov.my